

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KAPAR ]**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian untuk memberi peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan sebelum diambil pekerja asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Peranan dan tanggungjawab Kerajaan adalah bagi memastikan rakyat tempatan mengisi kekosongan jawatan yang wujud dalam ekonomi negara. Manakala pekerja asing hanya dibenarkan bekerja dalam kategori pekerja asas sahaja yang mana didapati penawaran tenaga kerja tempatan tidak dapat memenuhi keperluan permintaan oleh pihak industri. Penggajian pekerja asing di Malaysia bersifat sementara dan tidak menafikan hak rakyat tempatan terhadap peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan. Dasar penggajian pekerja asing telah menggariskan bahawa keutamaan penggajian adalah untuk rakyat tempatan. Majikan dikehendaki memaklumkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melalui Portal JobsMalaysia bagi membolehkan pencari kerja rakyat tempatan yang berdaftar dengan JTK diberi keutamaan dan dipilih mengisi kekosongan tersebut. Ini merupakan pra-syarat bagi pengambilan pekerja asing.

2. Selaras dengan dasar ini juga, JTK telah menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Pekerja Tempatan yang menetapkan setiap majikan yang memohon surat sokongan pekerja asing di Jabatan Tenaga Kerja akan melalui tapisan melalui jawatankuasa ini bagi menyekat majikan tersebut daripada terus mengisi kekosongan jawatan dengan pekerja asing. Mereka dikehendaki menemuduga senarai nama pencari kerja tempatan yang dibekalkan oleh pihak JTK disamping diwajibkan mengikuti apa-apa program penempatan pekerjaan yang dijalankan oleh JTK. Pada tahun 2020 sehingga 14 Ogos, sebanyak 2,647 orang pencari kerja warganegara telah berjaya ditempatkan dalam kategori pekerjaan asas.

3. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KSM iaitu memberi keutamaan dari segi pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Semua kekosongan jawatan bagi pengambilan pekerja bukan warganegara dan pegawai dagang mestilah diiklankan di Portal JobsMalaysia untuk tempoh

## SOALAN NO : 14

30 hari. Ini untuk memberi keutamaan kepada warganegara terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk memohon pengajian pekerja bukan warganegara.

4. Peruntukan undang-undang sedia ada **menghalang majikan memberhentikan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing** sebagaimana peruntukkan Seksyen 60M, Akta Kerja 1955. Dalam akta yang sama di bawah Seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebih pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori perkerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

5. Kerajaan mewajibkan majikan mematuhi elemen *Foreign Workers First Out* (FWFO) selaras dengan peruntukan Seksyen 60N, Akta Kerja 1955 dan *Code of Conduct for The Industrial Harmony*. Ini bagi memastikan aspek berkaitan pemberhentian, perkhidmatan pekerja bukan warganegara mestilah ditamatkan terlebih dahulu bagi menjamin peluang pekerjaan kepada pencari pekerja tempatan dalam semua kategori pekerjaan.

6. Kerajaan juga tidak membenarkan pengajian pekerja asing dibuat secara sewenang-wenangnya meskipun pengambilan mereka adalah untuk pekerjaan tidak mahir. Ini kerana setiap permohonan mestilah berlandaskan kepada syarat-syarat yang ditetapkan Kerajaan seperti berikut:

- (i) mengiklankan kekosongan pekerjaan melalui JobsMalaysia kepada pekerja tempatan terlebih dahulu sebelum jawatan tersebut dibuka kepada pekerja asing;
- (ii) menetapkan kriteria pengajian pekerja asing yang ketat dan diselia oleh agensi kawal selia dari segi menentukan keperluan sebenar pekerja dalam subsektor yang berkaitan contohnya

## SOALAN NO : 14

sektor perkilangan, sub sektor elektrik dan elektronik menetapkan nisbah pekerja tempatan kepada pekerja asing adalah 2:1;

- (iii) pelaksanaan gaji minimum juga bertujuan mengurangkan penggajian pekerja asing serta akan menggalakkan penggajian pekerja tempatan berikutan kos untuk menggajikan pekerja asing tidak lagi murah (*cheap labour*);
- (iv) hanya majikan yang berkeupayaan dan mematuhi standard perburuhan seperti gaji minimum dipertimbangkan untuk memohon pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan oleh JTK;
- (v) menggalakkan peralihan daripada industri berintensifkan buruh kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing; dan
- (vi) pengambilan pekerja asing telah dibekukan bagi semua sektor.

Sekian, terima kasih.